**Agenda 3 (a)**

# MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-29
# TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-27

| BIL. | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 27.2 | **Perkara Berbangkit**<br><br>(i) **<u>Minit 26.2 (i)</u>** - mengambil maklum Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (FSPM), UPMKB telah mengenal pasti syarikat Lau Hieng Kii yang berperanan sebagai syarikat pengumpulan bahan kitar semula di kampus bintulu. Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju supaya pihak FSPM mengenalpasti kaedah pengumpulan hasil jualan kertas terpakai dan kaedah pembayaran kepada pelajar asnaf yang terlibat dalam proses kutipan kertas dan seterusnya memaklumkan status pelaksanaannya dalam Mesyuarat JKK akan datang. | **TWP Fakulti Sains Pertanian dan Makanan** | Aktiviti Kitar Semula telah dilaksanakan pada 20 Mei 2016. Hasil dapatan dimasukan ke dalam Akaun Kebajikan Pelajar. |
| 2. | 27.2 | (ii) **<u>Minit 26.2 (ii)</u>** - mengambil maklum status terkini penutupan Laporan Ketakakuran Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti QMS Tahun 2015 setakat 22 April 2016 adalah sebanyak 96.5% (165/171). Sehubungan itu, mesyuarat meminta agar PTJ yang berkenaan mengambil tindakan segera dengan menghantar bukti objektif tindakan pembetulan ke atas NCR Audit Dalaman QMS kepada CQA tidak lewat daripada 06 Mei 2016. | **Penyelaras QMS/ TWP PTJ (FBSB, FS, FSKTM)** | Setakat 30 Mei 2016, kesemua 171 NCR Audit Dalaman QMS Tahun 2015 telah berjaya ditutup. |

| BIL. | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|
| 3. | 27.2 | (iv) **<u>Minit 26.4 (c)</u>** - mengambil maklum Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) akan mengadakan Bengkel Penyelarasan Piagam Pelanggan bagi menyemak dan memastikan piagam pelanggan yang dibangunkan selaras dengan pelan fungsian dan aras yang digunapakai di UPM. Bengkel siri pertama dijadualkan pada 30 Mei 2016 melibatkan semua PTJ termasuk Pusat Asasi Sains Pertanian, manakala siri kedua bengkel dijadualkan pada 9 Ogos 2016 melibatkan semua peneraju proses utama. Mesyuarat memohon agar laporan pelaksanaan bengkel dilapor dalam Mesyuarat JKK selepas pengendalian bengkel berkenaan. | **Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU)** | Bengkel Pemurnian Semula Piagam Pelanggan SPK MS ISO 9001:2008 telah diadakan pada 30 Mei 2016 di Mini Auditorium, Bangunan Canselori Putra (Off Lebuh Silikon) melibatkan TWP PTJ. |
| 4. | 27.2 | (v) **<u>Minit 26.5(b)</u>** - mengambil maklum satu perbincangan khas berkaitan skop pelaksanaan EMS akan diadakan pada 12 Mei 2016 yang akan turut mengambilkira cadangan pelan tindakan ke atas objektif EMS yang tidak mencapai sasaran. | **Timbalan Wakil Pengurusan EMS, Penyelaras EMS, & Peneraju EMS** | Perbincangan skop EMS dengan Y. Bhg. Datin Paduka Naib Canselor telah diadakan pada 28 Jun 2016. Perincian mengenai hasil perbincangan, sila rujuk **laporan Pelaksanaan EMS UPM Secara Lebih Realistik** pada slaid pembentangan mesyuarat. |

| BIL. | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|
| 5. | 27.2 | (vi) Minit 26.5 (b) – memohon semua PTJ yang terlibat dengan pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik supaya memastikan pemantauan dibuat di peringkat mesyuarat pengurusan PTJ masing-masing terutamanya bagi ketakakuran yang disebabkan oleh sikap pegawai. | TWP PTJ yang berkenaan | Maklumbalas PTJ:<br><br>FBSB<br>• telah mempraktikkan 'Sistem Inventori Makmal Berpusat' bagi membantu pengendalian bahan kimia di peringkat makmal<br><br>FK<br>• Telah mengadakan latihan berkaitan pengurusan makmal dan penceramah adalah pihak OSH pada 1 Jun 2016.<br>• Perjumpaan khas Jurutera/ Pegawai Sains, Penolong Jurutera, Ketua Makmal dan Penyelaras Pembangunan bersama Dekan akan diadakan pada 29 Ogos 2016 sebelum semester dibuka bagi memberi amanat dan salah satunya isu pengurusan makmal.<br><br>FP<br>• Pemantauan bahan kimia telah dibuat pada Audit Kendiri bertarikh 18-19 Julai 2016. Dapatan dari Audit ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat JKKP PTJ pada 2 |

| BIL. | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | September 2016 dan Mesyuarat Pengurusan yang akan datang.<br>• Pemantauan bagi pengendalian bahan kimia juga dijalankan menggunakan senarai semak makmal dan analisis semakan telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKKP Bil 2/2016 pada 17 Julai 2016. |
| 6. | 27.2 | (vii) **<u>Minit 26.8 (b)</u>** – mengambil maklum masih terdapat sebanyak 30 PTJ yang belum mengemukakan nama penyelaras 5S PTJ masing-masing sepertimana yang dinyatakan di **Lampiran B**. Justeru, mesyuarat meminta supaya PTJ yang berkenaan memberi maklumbalas kepada CQA selewatnya pada 6 Mei 2016 bagi membantu kelancaran proses lantikan Jawatankuasa Amalan 5S Peringkat Universiti. Mesyuarat turut menyarankan semua PTJ untuk terus melaksanakan Amalan 5S di peringkat PTJ masing-masing memandangkan pelaksanaanya akan turut dinilai bagi Anugerah Amalan 5S dan juga Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran sempena Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2016. | **TWP PTJ yang berkenaan** | Kesemua PTJ telah menamakan Penyelaras 5S PTJ masing-masing dan pihak Pusat Jaminan Kualiti telah mengeluarkan surat lantikan sebagai Penyelaras 5S PTJ merangkap ahli Jawatankuasa Amalan Persekitaran Berkualiti 5S kepada pegawai yang terlibat. Manakala 2 PTJ yang masih belum memberi penamaan adalah:<br><br>1. Pejabat TNCJIM (termasuk CiRNET) - pegawai bersara<br>2. Akademi Sukan – menunggu keputusan mesyuarat pengurusan pada 24 Ogos 2016. |

| BIL. | MINIT | AGENDA | | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 7. | 27.2 | (viii) | **<u>Minit 26.8 (c)</u>** – meminta supaya terma rujukan ahli Jawatankuasa Amalan 5S Universiti diedarkan kepada semua ahli mesyuarat untuk semakan awal sebelum dibawa untuk disahkan pada Mesyuarat JKK akan datang. | **Penyelaras 5S** | Terma rujukan Jawatankuasa Amalan Persekitaran Berkualiti 5S UPM telah diedar untuk semakan semua ahli jawatankuasa yang terlibat pada 8 Ogos 2016. Terma yang dipersetujui adalah seperti di **Lampiran 1.** |
| 8. | 27.3 | (d) | meminta PTJ mengambil tindakan segera bagi membolehkan laporan penemuan audit ditutup dalam tempoh 21 hari bekerja iaitu pada 24 Mei 2016 atau pada tarikh yang telah dipersetujui oleh Juruaudit Dalaman UPM. | **TWP Peneraju Proses & TWP PTJ** | Sehingga 2 Ogos 2016, terdapat 15 NCR yang belum ditutup melebihi tempoh melibatkan PTJ FPAS, TPU, INTROP, FEP, BKU, K15, K10 dan BURSAR. |
| 9. | 27.4 | (d) | bersetuju supaya nama Anugerah Mencipta Tema HKIP dan Anugerah Idea Inovasi dipinda kepada Hadiah Mencipta Tema HKIP dan Hadiah Idea Inovasi mengambilkira faktor taraf anugerah termasuk nilai hadiah yang ditawarkan. | **Pengerusi JK Induk HKIP** | Pindaan telah dilaksanakan. Taklimat Pelaksanaan HKIP yang diadakan pada 9 Mei 2016 telah mengambilkira perkara ini. |
| | | (f) | mengharapkan penglibatan secara menyeluruh oleh semua PTJ dalam semua kategori anugerah/hadiah yang dipertandingkan pada sempena HKIP tahun 2016. | **TWP PTJ** | **<u>FBSB</u>**<br>Kategori Inovasi Perhidmatan<br><br>**<u>FK</u>**<br>Mencipta Tema - 4<br>Idea Inovasi – 10 borang<br><br>**<u>FP</u>**<br>FP akan mengambil bahagian dalam Pertandingan 5S dan Anugerah Inovasi Perkhidmatan |

| BIL. | MINIT | AGENDA | | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | (g) | bersetuju agar semua ahli memastikan tidak berlaku pertindihan aktiviti di peringkat PTJ dengan HKIP tahun 2016, agar staf PTJ dapat turut sama meraikan Majlis HKIP tahun 2016. | **TWP PTJ** | **<u>FBSB</u>**<br>Tiada aktiviti Fakulti semasa sambutan HKIP 2016<br><br>**<u>FP</u>**<br>Akan ambil perhatian tiada aktiviti FP dijalankan pada 27 Oktober 2017 |
| | | (h) | juga bersetuju agar ahli mesyuarat meuar-uarkan maklumat HKIP 2016, terutamanya anugerah yang dipertandingkan kepada ahli PTJ masing-masing. | **TWP PTJ** | **<u>FBSB</u>**<br>Kategori Inovasi Perhidmatan<br><br>**<u>FK</u>**<br>Telah diambil tindakan dengan dibawa masuk dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti, dimaklumkan dalam Buletin Fakulti dan hebahan melalui poster yang dibuat oleh fakulti.<br><br>**<u>FP</u>**<br>Telah dihebahkan dan dibentangkan ke dalam Mesyuarat Pengurusan FP. |
| 10 | 27.5 | (c) | bersetuju meluluskan cadangan pindaan Manual Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001 untuk dikuatkuasakan pada 13 Mei 2016. | **PKD** | Tindakan telah dilaksanakan dan dikuatkuasakan pada 13 Mei 2016. |

**Lampiran 1**

**SENARAI KEAHLIAN DAN TERMA RUJUKAN (TOR)**
**JAWATANKUASA PELAKSANAAN AMALAN 5S**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1. **Pengerusi**

1.1 Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan akan dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa 5S UPM oleh Wakil Pengurusan.

2. **Setiausaha**

2.1 Pegawai yang ditempatkan di Pusat Jaminan Kualiti dan dipertanggungjawabkan dalam pengurusan 5S akan dilantik sebagai Setiausaha.

3. **Keahlian**

3.1 Keahlian akan dilantik oleh Wakil Pengurusan;

3.2 Keahlian adalah terdiri daripada Penyelaras Amalan 5S PTJ; dan

3.3 Keahlian dalam sesuatu mesyuarat yang bersifat turut hadir adalah dibenarkan.

4. **Korum**

4.1 Mesyuarat hendaklah sekurang-kurangnya melibatkan sepertiga (1/3) daripada jumlah ahli yang boleh memberi input berkaitan agenda yang dibawa.

5. **Kekerapan Mesyuarat**

5.1 Kekerapan mesyuarat adalah tertakluk kepada keperluan dari masa ke semasa dan tidak kurang daripada sekali (1) setahun.

6. **Tanggungjawab**

6.1 Meneliti secara menyeluruh amalan 5S dan membantu UPM membangunkan mekanisme bagi memastikan amalan 5S dilaksanakan di semua PTJ;

6.2 Menentukan belanjawan dan mengenalpasti sumber-sumber kewangan;

6.3 Menetapkan polisi, peraturan, garis panduan dan kriteria-kriteria audit bersesuaian dengan organisasi;

6.4 Memantau dan menilai kemajuan perlaksanaan amalan 5S;

6.5 Meneliti dan mencadangkan kaedah galakan untuk penyertaan dalam aktiviti 5S ;

6.6 Mengawasi kemajuan projek-projek peningkatan kualiti yang dikendalikan oleh Jawatankuasa 5S PTJ; dan

6.7 Membentangkan laporan Jawatankuasa 5S kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM atau Mesyuarat Pengurusan UPM.